

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(XIV)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN PULAU TIKUS  
YB. LEE CHUN KIT**

19. Apakah caranya supaya pembinaan *flyover* atau *underpass* dapat disegerakan tanpa penduduk alami kesesakan jalan raya bagi tempoh yang lama semasa dan selepas siap?

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Kerajaan Negeri telah memastikan beberapa cara dan kaedah dilaksanakan oleh pihak kontraktor semasa pembinaan *flyover* atau *underpass* supaya penduduk tidak mengalami kesesakan jalanraya bagi tempoh yang lama seperti berikut:
- (i) Menyediakan Pelan Pengurusan Lalulintas (*Traffic Management Plan*) untuk setiap projek infrastruktur sebelum projek tersebut dilaksanakan;
  - (ii) Memastikan kerja-kerja awalan seperti kerja-kerja pengambilan tanah, pengalihan utiliti dan pelebaran jalan disiapkan terlebih dahulu sebelum kerja-kerja fizikal lain dijalankan bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas dan mengelakkan kerja-kerja pembinaan tertangguh;
  - (iii) Merekabentuk dan merancang kaedah pembinaan yang bersesuaian dengan keadaan tapak bagi mengurangkan kesan kepada pengguna jalan raya dan penduduk sekitar;
  - (iv) Memberikan maklumat terkini mengenai projek kepada penduduk sekitar dan pengguna jalan raya supaya mereka dapat merancang perjalanan dan menggunakan laluan alternatif sekiranya perlu; dan

- (v) Memastikan pihak kontraktor mematuhi jadual pelaksanaan projek supaya kerja-kerja pembinaan dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dengan mengambil kira keperluan peralatan, mesin, kenderaan dan bilangan pekerja adalah pada tahap yang optimum.